



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 25 / 2022

MESYUARAT KHAS URUSAN PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU KE-15) DAN PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRK DUN) N.66 BUGAYA, SABAH

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa satu mesyuarat khas bagi membincangkan dan menentukan tarikh-tarikh penting PRU Ke-15 dan PRK DUN N.66 Bugaya, Sabah akan diadakan pada **20 Oktober 2022** bersamaan hari **Khamis** pada **pukul 10.00 pagi di Menara SPR, Putrajaya.**
2. Mesyuarat khas tersebut akan dipengerusikan oleh **YBhg. Tan Sri Abdul Ghani Salleh, Pengerusi SPR** yang akan membincangkan tarikh-tarikh penting PRU Ke-15 dan PRK DUN N.66 Bugaya, seperti tarikh *Writ* Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dan lain-lain persiapan bagi melaksanakan kedua-dua pilihan raya tersebut. **Satu sidang media akan diadakan sejurus selepas mesyuarat tersebut.**

Sekian.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

11 Oktober 2022 / 14 Rabiulawal 1444H